

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), perhimpunan golongan mat rempit berjumlah hampir 1,500 orang yang dilaporkan di akhbar baru-baru ini ketika menyambut tahun baru di Pulau Pinang bukannya bertujuan untuk berlumba haram tetapi ianya merupakan himpunan santai oleh penunggang dan pembonceng motosikal untuk menyambut tahun baru. Tiada pihak yang menganjur himpunan ini tetapi maklumat untuk berkumpul dihebahkan melalui telefon dan media yang lain untuk berkumpul di Batu Feringgi.

Pihak polis cawangan trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang telah membuat pemantauan apabila maklumat perhimpunan tersebut diperolehi. Tiada aktiviti lumba haram dijalankan pada malam tahun baru tersebut, tapi kumpulan ini hanya bergerak dalam kumpulan yang besar untuk menyambut tahun baru. Pada malam berikutnya, kumpulan ini juga didapati berhimpun di lokasi berkenaan dan bagi mengelak tempat ini dikhuatiri akan menjadi litar untuk lumba haram, operasi bersepadu antara pihak trafik, jenayah dan cawangan narkotik telah diadakan pada 3 - 4 Januari 2014 di Batu Feringgi .